

PENGURUSAN KELUARGA PASCA NORMA BARU HOUSEHOLD MANAGEMENT POST THE NEW NORM

Mohd Farhan Md Ariffin,¹ Nurul Syahadah Mohd Riza,²
Siti Norlina Muhamad² & Nur Najwa Hanani Abd Rahman²

¹ Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti
Kebangsaan Malaysia

² Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti
Teknologi Malaysia, Johor Bahru

Abstrak

Penularan COVID-19 boleh dimanifestasikan sebagai bumi sedang berehat daripada kerakusan manusia. Pandemik ini telah menyalin rutin kebiasaan manusia kepada norma baru. Perubahan ini nyata memberi implikasi mengejut terhadap semua pihak, khususnya yang paling terkesan adalah institusi keluarga. Kajian bertujuan melihat pandangan netizen berkenaan pengendalian keluarga semasa pandemik COVID-19. Kajian ini menggunakan kaedah analisis data berasaskan pendekatan kajian netnografi. Dapatan kajian mencadangkan bahawa perubahan norma baru merupakan cabaran besar dalam menyeimbangkan antara urusan pejabat, keluarga dan kerja rumah.

Kata Kunci: *facebook*; netizen; norma baru; keluarga; kerjaya

Abstract

COVID-19 pandemic can be manifested as the earth is resting from human. This pandemic has turned the normal routine of human into the new set of norms. These changes obviously have surprising implications for all parties, especially the most affected are the family institution. The study aimed to look at netizens' views on family management during the COVID-19 pandemic. This study uses data analysis method based on netnographic approach. The findings of the study suggest that the change of new norms is a major challenge in balancing between office affairs, family and homework.

Keywords: *facebook*; netizen; new norms; family; career

Pendahuluan

Pandemik COVID-19 telah membawa perubahan besar terhadap sosio-budaya sejagat dari segi rutin, gaya hidup, cara berkerja, peruntukan masa bersama keluarga dan sebagainya. Batasan pergerakan telah mendesak semua orang berada di dalam rumah. Sekolah dan pejabat terpaksa ditutup bagi memutuskan rantaian jangkitan wabak. Berikutan itu, rumah kini dijadikan sebagai stesen multi-fungsi untuk berkerja, belajar selain menjadi tempat kediaman, berehat dan bersantai.

Alhasil, keberadaan semua ahli keluarga di rumah pada satu-satu masa menambah beban mengurus urusan rumah tangga, anak-anak dan kerja pejabat secara serentak. Si ibu dan bapa perlu menjadi *multi-tasking* seperti mengemas, memasak, membasuh pakaian, mengawal anak-anak, mengurus PdPR anak, di samping melaksanakan kerja-kerja pejabat. Dalam ayat ringkasnya, pengurusan keluarga perlu beraksi serentak dengan tuntutan kerja pejabat.

Hakikatnya, perkara ini bukan sesuatu yang mudah. Ia menuntut persefahaman antara pasangan pada tahap paling agung. Tolak ansur dan muafakat dalam rumah tangga yang dibina selama ini diuji pada aras paling tinggi. Jika sebelum ini si suami atau isteri sering pulang lewat dari tempat kerja, kini semuanya perlu dilaksanakan secara *work from home* (WFH). Anak-anak yang sebelum ini ditinggalkan untuk dijaga di rumah pengasuh, perlu diuruskan sendiri sebilang waktu. Lebih memburukkan keadaan jika pasangan hilang mata pencarian ataupun dipotong gaji, ini tidak lain akan menambah tekanan dalam rumah tangga.¹ Tanpa keseimbangan antara pasangan dalam mengurus rumah tangga, mahligai perkahwinan mudah retak menanti belah.

Di Johor sahaja, sebanyak 2,625 kes penceraian telah dicatatkan sepanjang PKP 1.0. Johor Bahru mencatatkan kes perceraian tertinggi dengan 984 kes, Batu Pahat (384), Muar (238), Kluang dan Kota Tinggi (250), Segamat (102) dan Pontian (179). Mersing pula mencatatkan 70 kes, Kulai (102) dan Tangkak (66). Dalam pada itu, sebanyak 1,768 aduan masalah rumah tangga diterima Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) dalam tempoh berkenaan. Antara punca masalah rumah tangga adalah tidak bertanggungjawab, tiada motivasi dalam perkahwinan, pengabaian nafkah, suka keluar rumah, penagihan dadah, selain campur tangan keluarga dan penderaan.²

Menurut Ismail Sabri Yaakob (2021), kes perceraian di Malaysia telah merekodkan peningkatan drastik. Semenjak 18 Mac 2020 - 31 Ogos 2021, sebanyak 66,440 pasangan Islam telah mendaftarkan cerai sepanjang tempoh pandemik. Selangor merekodkan jumlah tertinggi iaitu 12,479 kes, diikuti Johor (7,558), Kedah (5,985), Kelantan (5,982), Perak (5,921) dan 5,098 di Terengganu. Pahang pula merekodkan 5,058 daftar cerai, Sabah (4,010), Pulau Pinang (2,978), Wilayah Persekutuan (3,854), Negeri Sembilan (3,473), Melaka (2,402), Perlis (1,081) dan 561 di Sarawak. Bilangan kes perceraian yang difailkan golongan bukan Islam di seluruh negara pula sebanyak 10,346 kes.

Dari segi ekonomi keluarga, hampir 28% ibu bapa menyatakan keadaan kewangan mereka semakin teruk berbanding ketika tempoh gelombang pandemik dan pelaksanaan PKP 1.0.³ Masalah kewangan menjadi antara penyebab utama berlakunya perceraian kerana ramai suami diberhentikan kerja dan hilang punca pendapatan akibat COVID-19. Implikasinya, komunikasi antara suami dan isteri menjadi tegang, seterusnya keadaan itu mewujudkan ketidaksefahaman dan perbalahan antara pasangan. Banyak kes berlaku melibatkan golongan B40 seperti pekerja kilang, pembantu makan dan peniaga kecil-kecilan. Kebanyakan mereka hidup umpama kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang. Isu kewangan telah merobek keharmonian rumah tangga.⁴ Menurut kaunselor berdaftar, Hushim Salleh, beliau mengendalikan tiga kes pasangan yang mahu bercerai setiap hari semenjak PKP dilaksanakan.⁵

¹ Maria Gayatri and Dian Kristiani Irawaty, Family Resilience during COVID-19 Pandemic: A Literature Review, *The Family Journal: Counseling and Therapy for Couples and Families*, 2022, 30(2), 132-138.

² Raiham Mohd Sanusi, Johor catat 2,625 kes penceraian sepanjang PKP, *Sinar Harian Khas*, 15 Oktober 2020.

³ Mohd Nasaruddin Parzi, 66,440 pasangan Islam daftar cerai sejak Mac 2020, *Berita Harian Online*, 15 September 2021.

⁴ Suzana Ab Rahman et al., Pandemik Covid 19: Tekanan Kewangan, Literasi Kewangan Menjadi Penentu Kesejahteraan Kewangan Di Kalangan Komuniti Durian Tunggal, *Journal of Business Innovation*, 2020, 5(1), 91-98.

⁵ Mohamed Farid Noh, Cabaran Keluarga ketika Pandemik COVID-19, *Berita Harian Online*, 3 Disember 2020.

Dari sudut yang lain, sebelum pelaksanaan Pergerakan (PKP) 2.0 pada awal tahun 2021, 49.4% ibu bapa menyatakan kehidupan mereka dan keluarga hampir kembali normal dan majoriti daripada mereka mulai peka, faham dan mengamalkan cara kehidupan norma baru. Namun begitu, selepas tercetusnya gelombang ketiga dan pelaksanaan PKP 2.0, hampir 80% ibu bapa menyatakan kehidupan mereka mulai terkesan dari segi ekonomi dan kesihatan mental. Dapatan tinjauan mendapati 84.1% ibu bapa mengalami tekanan emosi (cemas, gugup dan gelisah) ketika gelombang ketiga pandemik COVID-19 melanda. Ramai ibu bapa menghadapi tekanan daripada pelbagai arah seperti hal kewangan, pengasingan sosial, kritikan daripada orang sekeliling, tekanan emosi dan sebagainya sehingga menjejaskan kesihatan mental mereka. Secara tidak langsung, tekanan yang dihadapi oleh ibu bapa mempengaruhi psikologi anak-anak dan boleh dilihat melalui tingkah laku dan emosi mereka.⁶

Menurut Unit Komunikasi Korporat Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, panggilan ke Talian Kasih bertambah sebanyak 57% semenjak PKP. Antara faktor yang mendorong kepada peningkatan kes keganasan rumah tangga sewaktu PKP iaitu: (1) pendera sentiasa berada bersama mangsa serta menghabiskan masa yang banyak bersama menyebabkan peluang untuk konflik berlaku adalah lebih tinggi; (2) pengasingan sosial menyebabkan tiada saluran lain untuk menghilangkan stress; (3) masalah kewangan serta ketidaktentuan masa depan menimbulkan konflik yang ketara; (4) persekitaran rumah yang sempit atau tidak kondusif menyebabkan berlakunya rasa lemas apabila berada di rumah; (5) kesukaran mendapatkan bekalan dadah dalam kalangan penagih disebabkan faktor kewangan dan situasi semasa. Apa yang menjadi kebimbangan adalah ketika PKP, mangsa tidak boleh lari daripada dianayai, tiada sokongan orang lain serta tiada tempat mengadu kerana banyak perkhidmatan sokongan yang tidak beroperasi.⁷

Skop Dan Metodologi Kajian

Melihat kepada implikasi PKP terhadap keharmonian institusi keluarga, kajian ini dilaksanakan untuk mendalami pandangan netizen berkenaan pengendalian keluarga semasa pandemik. Kaedah netnografi diaplikasikan dalam perolehan data. Netnografi merupakan pendekatan kajian kualitatif yang menyelidiki pengalaman, budaya masyarakat melalui internet atau media sosial.⁸ Di samping itu, analisis kandungan daripada beberapa sorotan literatur dijadikan data tambahan kerana berupaya menyokong dapatan kajian. Apabila data sudah dikumpulkan, proses penulisan dan analisis dilakukan menggunakan semua maklumat sedia ada.

Kajian ini bersifat kajian kualitatif yang melibatkan metode pengumpulan data melalui media sosial *Facebook*. Pencarian data dilakukan dengan mencari kata kunci iaitu *work from home* (WFH) sebelum ditapis dan dinilai. Satu siaran muat naik (*post*) telah dipilih untuk dianalisis. Data-data yang dikumpul seterusnya dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Dalam pada itu, hasil dapatan turut disokong dengan

⁶ Siti Marziah Zakaria et al. 2021. Kelesuan Pandemik: Hubungannya dengan Pematuhan SOP, Konflik Kerjaya - Keluarga, Tekanan Emosi dan Risiko Fizikal dalam kalangan Masyarakat Awam Malaysia, *Jurnal Psikologi Malaysia* 35 (3): 117 –129.

⁷ Firdaus Abdul Ghani, 3 April 2020. Mengapa kes keganasan rumah tangga meningkat semasa PKP? *Astro Awani Online*.

⁸ Kozinets, R., V., 2020. *Netnography: The Essential Guide to Qualitative Social Media Research*, 3rd ed, London: Sage Publications, 19.

sorotan literatur bersesuaian. Dalam pemilihan isu, perlu ditegaskan bahawa skop kajian memfokuskan analisis terhadap pengurusan keluarga semasa pandemik.

Komuniti Dalam Talian Dan Konsep Netnografi

Kecanggihan dan kemajuan teknologi telah mendedahkan manusia kepada dunia digital. Tidak boleh dinafikan penggunaan internet menjadi keutamaan masa kini. Hampir semua aktiviti dilakukan secara dalam talian, lebih-lebih lagi dengan penularan pandemik COVID-19 yang tidak dijangka. Komuniti dalam talian juga digiatkan dengan penubuhan banyak kumpulan di media sosial. Individu berkenalan dan berkawan secara maya melalui platform yang ditubuhkan. Walau bagaimanapun, pengkaji lebih cenderung berpendirian menghargai hubungan secara fizikal di alam realiti berbanding perhubungan jarak jauh di alam maya. Ia lebih mesra, mendekatkan dan menepati dalil umum dalam bersahabat.

Berbalik kepada fokus perbincangan, penubuhan kumpulan semacam ini mengumpulkan individu yang mempunyai kepentingan dan minat yang sama. Platform ini secara tidak langsung memberikan ilmu dan perkongsian baru melalui interaksi semua ahli. Pelbagai topik yang dikongsikan, di samping komuniti menunjukkan sokongan, nasihat, perasaan, sikap dan sebagainya.

Netnografi adalah pendekatan baru dalam kajian kualitatif yang berasaskan internet. Kaedah ini digunakan bertujuan untuk mendapatkan maklumat pengguna dari segi tingkah laku, sikap dan sebagainya melalui internet. Kajian ini sepenuhnya dilakukan secara dalam talian. Ia juga sudah diaplikasikan dalam beberapa kajian lepas terutamanya dalam aspek pemasaran.

Sungguhpun demikian, kaedah kajian ini masih belum diteroka secara meluas.⁹ Kaedah ini mula diperkenalkan apabila menyedari penggunaan internet semakin meningkat dengan pantas dalam kalangan pengguna. Ia menumpu kepada kehidupan sosial masyarakat dengan mengetengahkan kajian dari sudut pandang netizen. Signifikannya, perbincangan netizen berasal daripada buah fikiran dan pengalaman seseorang di sebalik topeng di alam maya, serta ia dapat mempengaruhi kehidupan seseorang yang sangat bergantung kepadanya.

Dapatan Kajian

Realiti masyarakat yang berhadapan dengan norma baru telah membawa kepada perspektif berbeza dalam diskusi mengenainya. Setiap individu tidak kira peringkat umur telah terdedah kepada dunia digital. Penggunaan gajet dalam talian menjadi solusi utama pada era norma baru ini, memandangkan perjumpaan secara fizikal perlu diminimalkan agar tidak menjadi pencetus wabak yang lebih meluas.¹⁰

Ibu bapa perlu bekerja mencari nafkah secara maya melalui pelbagai platform yang diperkenalkan seperti *Zoom, Google Meet, Webex, Telegram, Microsoft Team* dan sebagainya. Anak-anak juga banyak menghabiskan waktu di hadapan skrin untuk menghadiri kelas dalam talian. Senario norma baru menjadi riuh di dunia maya, akan tetapi senyap sunyi di alam realiti. Ini merupakan cabaran besar kepada semua pihak,

⁹ Xharavina, N. et al, 2019. Netnography as a marketing research tool in the fashion industry in Southeast Europe, *International Journal of Market Research*, 1-17.

¹⁰ Perutusan Perdana Menteri, 1 Mei 2020, pmo.gov.my/2020/05/perutusan-khas-perdana-menteri-sempena-hari-pekerja-2020/; Kementerian pendidikan Malaysia, 8 November 2020, <https://www.moe.gov.my/en/pemberitahuan/announcement/pemakluman-pdpr>.

memandangkan semua orang berusaha mengekalkan hubungan yang hangat dalam keluarga, tanpa mengabaikan tuntutan kerja dan lunas-lunas pelajaran.

Sehubungan dengan itu, kajian ini telah memilih satu siaran muat naik yang menggambarkan realiti semasa yang berlaku dan menganalisis pandangan netizen yang dilontarkan pada bahagian komen *posting* tersebut.

Gambar 1: Siaran muat naik yang dipilih




Sumber: Facebook Budak Kartun (31 Januari 2021)

Perbincangan Dan Analisis Data

Siaran yang berkait rapat dengan norma baru BDR dan PdPR didapati memperoleh 100 komen daripada netizen dan penulis sendiri. Siaran ini lebih menjurus kepada pihak guru yang terpaksa mengelola anak murid secara dalam talian dan anak sendiri di rumah. Netizen yang memberi komen terdiri daripada 55 orang perempuan dan lapan orang lelaki. Berdasarkan komen di siaran ini, analisis dibahagikan kepada beberapa tema untuk menggambarkan persepsi netizen terhadap norma baru. Melalui pembahagian mengikut tema ini, kajian ini mampu menghasilkan dapatan yang lebih bermanfaat.

Kandungan komen boleh dibahagikan kepada tiga tema utama iaitu sokongan, cabaran dan lain-lain. Tema pertama iaitu sokongan merangkumi kata-kata semangat dan melontarkan pandangan positif seperti dapat mengadaptasi norma baru seiring waktu, ucapan berunsur semangat dan kesabaran. Tema cabaran meliputi komen


rungutan, cabaran dan isu yang dihadapi. Manakala, tema lain-lain lebih kepada komen biasa yang tidak berkaitan dengan sokongan mahupun cabaran.



Gambar 2: Sebahagian komen yang dinyatakan

Perbincangan dan Analisis Kajian

Rajah 1: Pengelompokan Tema Komen Netizen




Sumber: Analisis Pengkaji

Berdasarkan kepada hasil analisis, kebanyakan netizen tidak kira lelaki atau perempuan memandang perubahan norma baru BDR dan PdPR di rumah sebagai satu cabaran baru yang membebankan sebanyak 42%, ataupun boleh ditafsirkan disokong sebagai cabaran oleh hampir setengah daripada semua komen yang dilontarkan. Manakala 9% memberikan kaedah sokongan dalam menghadapi BDR+PdPR, manakala 34% adalah komen yang tidak berkaitan atau disifatkan sebagai lari daripada fokus perbincangan.

Dalam analisis, pengkaji hanya akan memfokuskan kepada tema komen netizen terkait cabaran dan kaedah sokongan. Manakala komen lain-lain dan penulis siaran tidak akan digunakan bagi tujuan analisis data.

Rajah 2: Analisis Dalaman Komen Netizen Terkait Cabaran



Sumber: Analisis Pengkaji

Daripada hasil analisis dalaman terkait cabaran pengurusan keluarga pasca norma baru, sebanyak 16% daripada komen netizen menyatakan dengan jelas bahawa BDR+PdPR memang realiti yang sedang atau benar-benar berlaku ketika pandemik apabila merujuk kepada *posting Facebook* tersebut. Manakala komen lain menyatakan konteks isu atau pengalaman yang dialami sepanjang pengurusan keluarga ketika pandemik.

Dalam hal ini, cabaran utama yang dikenalpasti daripada komen-komen netizen adalah berkaitan dengan, **Pertama:** masalah pembelajaran mewakili sebanyak 30% daripada komen netizen. Golongan wanita atau ibu rata-ratanya menzahirkan kebimbangan dalam perihal berkait pembelajaran anak-anak mereka. Ini didorong oleh

pelbagai faktor seperti talian internet yang tidak stabil,¹¹ data terhad, perlu ingat tugas anak, pemantauan ketat semasa kelas, kerja rumah anak-anak yang bertimbun, mengurus anak yang ramai dan sebagainya. Isunya di sini, ibu bapa perlu menggantikan tempat guru bagi memantau dan mengajar anak-anak. Bagi golongan ibu bapa yang tidak memiliki tahap pendidikan mencukupi, maka hal ini menambah beban dalam pengurusan keluarga. Ibu bapa dalam kelompok ini sangat mengharapkan guru-guru untuk membantu pembelajaran anak-anak mereka.

Tambahan, wujud isu apabila terdapat dalam kalangan guru yang tidak bersedia untuk mengajar secara dalam talian, dan masih tidak mahu berubah serta menyelami kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian.¹² Guru-guru jenis ini hanya mengajar sekadar melepaskan batuk di tangga dan akhirnya pelajar dan ibu bapa yang menjadi mangsa dengan pelbagai tugas kerja sekolah untuk disiapkan. Buktinya, setelah hanya seminggu sesi persekolahan tahun 2021 dimulakan, golongan ibu bapa mula meluahkan rasa tidak puas hati dengan implementasi PdPR di rumah. Mereka menyatakan para guru tidak bersedia untuk mengajar.¹³

Pengkaji juga mempunyai isu dalam hal ini, di mana turut memiliki anak berumur lima tahun, yang bersekolah pada peringkat tadika. Kebiasaannya guru hanya akan menghulurkan dua hingga tiga kerja rumah sehari sepanjang tempoh PdPR. Maka golongan ibu bapa perlu memastikan anak-anak menghantar tugas melalui aplikasi *WhatsApp* pada setiap hari. Bukan itu sahaja, terdapat banyak aduan daripada ibu bapa yang memiliki lebih dari seorang anak yang menjalani PdPR. Terdapat juga kes murid tidak mahu langsung membuat tugas kerana disifatkan terlalu banyak. Pada akhirnya, anak-anak yang akan menjadi mangsa dan ketinggalan dalam pelajaran. Ibu bapa pula dibelit rasa bersalah dan ralat kerana gagal memandaikan anak-anak mereka. Sekali lagi anak-anak akan menjadi mangsa sebagai tempat ibu bapa melepaskan tekanan dan kekecewaannya.

Kedua: isu anak juga memainkan peranan sebagai cabaran (17%) khususnya kepada golongan suri rumah. Kanak-kanak mempunyai perangai masing-masing, perlu pemantauan yang rapi dan tahap fokus tidak kekal lama. Justeru menjadi satu cabaran bagi ibu bapa untuk memastikan anak-anak yang sedang belajar kekal fokus, di samping turut mengurus anak kecil dan remaja mereka.

Pada hemat pengkaji, anak-anak membesar dengan bermain. Setiap permainan adalah proses untuk perkembangan otak mereka. Mereka memerlukan kepada gaya pembelajaran yang sangat menarik dan interaktif bagi mewujudkan minat untuk belajar. Isu ini tidak lain memerlukan daya kreativiti guru dan ibu bapa dalam menarik minat anak-anak untuk belajar.¹⁴

Walau bagaimanapun usaha guru dan ibu bapa, anak-anak akan menjadi semakin bosan dan tidak lagi bermotivasi untuk menghadiri kelas dalam talian setelah

¹¹ Pdpr: Internet lembab guru risau murid jauh ketinggalan. 27 January 2021. Putera Daily. <https://puteradaily.com/pdpr-internet-lembab-guru-risau-murid-jauh-ketinggalan/>

¹² Tiwari, M. 2020. Challenges of online teaching. British Council. <https://www.teachingenglish.org.uk/blogs/madhu-tiwari/challenges-online-teaching>

¹³ Rashid, K. K. A., Haron, S. C., & Haron, S. C. 2021. Challenges on Malaysian Teachers's Self Efficacy in Online Teaching During COVID-19. *Social Sciences*, 11(9), 649-658.

¹⁴ Guru perlu lebih kreatif mengajar ketika pandemik. 2021. Berita Harian, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/05/817228/guru-perlu-lebihkreatif-mengajar- ketika-pandemik>

lebih setahun menjalani PdPR.¹⁵ Hal ini juga boleh dinamakan sebagai *screen fatigue* (keletihan menatap skrin). Kadar kehadiran murid juga semakin lama, semakin merosot. Dalam pada itu, sekolah mesti dibuka dengan segera agar beban ibu bapa dan anak-anak dapat dihilangkan segera. Murid-murid juga dapat belajar dalam suasana yang lebih kondusif.¹⁶

Ketiga: kawalan ibu bapa terhadap anak merupakan isu yang turut dibangkitkan netizen (15%). Ibu bapa yang sibuk ketika waktu pejabat secara dalam talian, di samping anak-anak yang sedang belajar secara dalam talian, mana mungkin dapat dikawal sepenuhnya oleh ibu bapa. Mereka menyatakan tidak sempat, lupa, sibuk, tidak cukup tangan dan sebagainya. Maka, anak-anak akan semakin terabai dan lolos daripada kawalan.

Mengikut pengalaman pengkaji, anak-anak perlu disantuni dan ibu bapa mesti duduk di hadapan atau berdekatannya semasa proses menyiapkan tugasan. Jika tidak, kerja sekolah tidak akan siap. Jika waktu siang tiada masa untuk menemani anak-anak menyiapkan tugasan, maka waktu malam akan dimanfaatkan bagi mengajar anak-anak menyiapkan kerja sekolah.

Keempat: didapati wujud kepenatan mental dan jasmani dengan luahan ibu bapa yang penat, stress, letih, kalut, haru biru dan seumpamanya ketika mengurus keluarga semasa PKP dalam masa pandemik (14%). Ini merupakan perkara serius dan memerlukan sokongan dalam menghadapi kehidupan semasa pandemik. Hal ini boleh jadi atas pelbagai faktor seperti masalah kewangan, pasangan lepas tangan, terlalu penat dan lain-lain.

Terkesan dengan tekanan emosi, 63% golongan dewasa menyatakan pernah mengalami kemurungan. Kesannya, 20.4% ibu bapa mula sukar mengawal kemarahan, diikuti dengan mereka yang sukar tidur dengan tenang (16.8%) dan kerap sakit kepala atau perut (15.8%).¹⁷ Ini merupakan perkara yang sangat serius dan memerlukan sokongan tambahan dalam menjalani kehidupan semasa pandemik.

Kelima: Sebanyak 6% daripada komen netizen juga menyatakan mengenai urusan rumah tangga yang tidak pernah berhenti semasa pandemik. Disebabkan tidak dapat keluar, semua ahli keluarga berada di dalam rumah sepanjang masa. Ini sebenarnya menambah beban suri rumah lebih daripada kebiasaannya. Malah, hal ini turut dibimbangi menjurus kepada tekanan emosi yang serius. Menurut Ismail Sabri Yaakob (2021), antara faktor utama ibu bapa mengalami tekanan emosi adalah disebabkan oleh pembabitan aktiviti luar terhad, terpaksa berkurung (16.4%) dan tempoh pelaksanaan PKP yang tidak dapat dipastikan (12.2%).

Keenam: gajet, dengan 2% netizen menyatakan mempunyai alatan gajet yang terhad untuk satu keluarga, manakala selebihnya tidak membangkitkan isu ini. Walau bagaimanapun, berkemungkinan netizen yang lain adalah daripada golongan yang berkemampuan. Jika daripada golongan susah atau B40, maka hal ini perlu diperhalusi dan dibantu agar anak-anak mereka tidak ketinggalan dalam pelajaran sehingga memberi impak terhadap pembangunan minda dan sahsiah mereka pada masa hadapan.

¹⁵ Kehadiran merosot murid mula bosan dengan pdpr. 2021. Sabah Post, <https://www.sabahpost.net/2021/06/19/kehadiran-merosot-murid-mula-bosandengan-pdpr-kata-pakar/>

¹⁶ Nasir, N. and Mansor, M. 2021. "Cabaran Guru dalam Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR): Suatu Pemerhatian Awal", *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(7), 416 - 421.

¹⁷ Mohd Nasaruddin Parzi, 15 September 2021. 66,440 pasangan Islam daftar cerai sejak Mac 2020, *Berita Harian Online*.

Menurut Hawati et al (2020), para guru masih mendengar aduan murid-murid yang tidak memiliki gajet untuk PdPR. 37% murid di Malaysia tidak memiliki gajet yang bersesuaian untuk menyokong pembelajaran secara dalam talian. Akhirnya perkara ini akan berubah menjadi serampang dua mata yang menekan ibu bapa yang terkesan akibat pandemik untuk membeli gajet yang semakin mahal akibat permintaan yang meningkat semasa pandemik dan meruntun motivasi para guru untuk mengajar akibat terlalu memikirkan masalah murid, selain turut dituduh makan gaji buta kerana tidak kompeten dalam melaksanakan PdPR.¹⁸

Ketujuh: dijangkiti atau menjadi kontak rapat kepada pesakit Covid-19. Hal ini tidak dinyatakan dalam komen netizen, namun pengkaji merasakan ia merupakan situasi yang wajar dipertimbangkan pada ketika masa pandemik. Jika salah seorang isteri atau suami diisolasi akibat pandemik Covid-19, maka ia akan menimbulkan masalah yang besar kepada sebelah pihak.

Berdasarkan pengalaman pengkaji, isteri pernah menjadi kontak rapat kepada pesakit Covid-19, dan tugas mengurus rumah dan anak-anak yang masih kecil perlu dilakukan bersendirian. Ditambah dengan tuntutan *meeting* dan kerja pejabat yang bertimbun, hal ini nescaya tidak mudah dan memerlukan naratif kesabaran yang tinggi. Tempoh dua minggu isolasi pasangan merupakan jangka masa yang panjang dan mendebarakan setiap kali menunggu keputusan *swab test*.

Tanpa persefahaman dan kesediaan mengambil alih peranan sebagai ibu, hal ini tidak akan mampu dilakukan. Lebih buruk lagi apabila pasangan meninggal dunia akibat Covid-19, maka suami atau isteri perlu mempersiapkan aspek mental dan fizikal untuk mengurus rumah tangga dan pelajaran anak-anak. Kehidupan perlu diteruskan tanpa mengabaikan hak-hak anak untuk meraih kasih sayang daripada orang tuanya.

Cabaran atau tidak, aktiviti dalam talian merupakan ramuan utama dalam norma baru. Sesi PdPR, BDR, perbincangan dan urusan pejabat secara maya bakal diteruskan sehingga menjadi tradisi. Kesibukan ibu bapa dalam mengurus kerjaya dan rumahtangga pada akhirnya bakal mengakibatkan anak-anak dibiarkan tanpa pengawasan. Generasi masa hadapan negara ini sedang dipinggirkan. Sedangkan anak-anak perlu diberi perhatian dan dipandu dengan baik dari segi pemikiran, tingkah laku dan emosi. Hal ini sedikit sebanyak memberi kesan terhadap pembangunan minda dan pendidikan anak-anak dari sudut psikologi. Kaedah pengendalian keluarga yang efektif perlu dipraktikkan agar cabaran ini dapat dihadapi dengan jayanya.

Dalam isu pembelajaran, sewajarnya para guru perlu muncul sekali dua seminggu secara dalam talian memberikan pesanan dan ajaran sebagai guru, berbanding hanya lepas tangan menghulurkan tugas dengan harapan anak-anak murid wajib menghantar tepat pada masanya. Akibatnya, ibu bapa akan memaksa dan memarahi anak-anak yang belum mengerti apa-apa, dan anak-anak akan menghadapi stress akibat tindakan guru dan ibu bapa.

Suami dan isteri juga perlu banyak bertolak ansur. Banyak situasi perlu dipertimbangkan secara tanggungjawab bersama (*joint responsibilities*) dalam mendepani cabaran norma baru. Dengan itu, beban mengurus keluarga akan dapat dikongsi secara bersama dan meringankan beban antara satu sama lain. Proses adaptasi perlu diserap segera agar semuanya dapat dikawal dengan baik dan sistematik.

Di samping itu, kebanyakan isu kesihatan mental dalam keluarga timbul semenjak berlaku pandemik. Gangguan terhadap kesihatan mental ini sering terjadi

¹⁸ Hawati, A. H., & Jarud, R. K. 2020. Covid-19 and an equal learning. Khazanah Research Institute, http://www.krinstitute.org/assets/contentMS/img/template/editor/20200426_Covid_Education_v3.pdf

akibat tekanan harian yang dialami dari sudut kewangan dan kestabilan ekonomi keluarga, pengurusan emosi diri dan anak-anak, pendidikan anak-anak, komunikasi, masa berharga bersama keluarga dan sebagainya.

Sebagai panduan dalam menghadapi cabaran ini, terdapat 9% netizen memberikan kaedah sokongan berupa keperluan membina jadual khusus untuk mengurus kehidupan norma baru. Sistem penjadualan ini merupakan tindakan praktikal yang perlu dilakukan dan kritikal dalam mengurus tanggungjawab. Dengan itu, tanggungjawab di rumah dan tuntutan kerja dapat dilakukan secara seimbang tanpa mengabaikan kesejahteraan diri dan ahli keluarga sama ada dari sudut jasmani, emosi, intelektual ataupun rohani (JERI).

Lazimnya, pengkaji akan menyemak jadual dalam *google calendar* pada setiap hari selepas *clock-in*. Hal ini lebih memudahkan untuk mengurus masa dan keluarga. Jika mempunyai kerja atau mesyuarat, maka akan dimaklumkan lebih awal kepada pasangan bagi mengekalkan tahap interaksi yang terbaik. Elakkan daripada sengaja mencari kerja baru dan seharian menghadap gajet. Lakukan sekadarnya agar beban mengurus keluarga dapat ditanggung bersama. Jika mempunyai kerja yang mendesak, lakukan pada waktu malam selepas anak-anak tidur. Hal ini lebih baik menurut hemat pengkaji, di mana masa untuk anak-anak tidak akan terabai dan mereka merasai keberadaan ibu dan bapa setiap hari.

Sebagai ancaman, terdapat pelbagai akibat buruk yang boleh berlaku sekiranya tidak wujud pengurusan keluarga yang baik seperti berlaku konflik keluarga, kemurungan, masalah mental, penderaan, pendedahan terhadap perkara-perkara negatif dan banyak lagi. Ia bukan hanya terpalit kepada satu pihak sahaja, malah kepada anak-anak, keluarga dan orang sekeliling. Walaupun ibu bapa menghadapi banyak masalah semasa pandemik dengan pelbagai tanggungjawab dan urusan, namun soal anak-anak tidak boleh diabaikan. Mereka merupakan produk akhir penyambung keturunan yang mesti dicorakkan dengan baik walaupun ketika dunia hampir Kiamat.

Kesimpulan

Pelbagai cabaran baru muncul setelah dunia dilanda wabak pandemik COVID-19. Kehidupan manusia berubah secara mendadak sehingga membentuk norma baru. Semua orang terpaksa berhadapan dengan cabaran norma baru dalam mengurus keluarga di samping melaksanakan kerja hakiki. Banyak situasi yang perlu dipertimbangkan secara bersama dalam mendepani cabaran norma baru. Proses adaptasi perlu diserap segera agar semuanya dapat dikawal dengan baik dan sistematik demi menjamin kelancaran dan keharmonian hidup.

Dalam pengurusan keluarga, kerjasama berpasukan ditagih dalam mengurus pelbagai tanggungjawab. Berat sama dijunjung, ringan sama dijinjing. Bertaqwalah kepada Allah SWT. Teknik pengurusan dan pengendalian keluarga yang berkesan penting ketika mendepani cabaran norma baru agar tidak membawa kemudaratan, terutamanya terhadap kanak-kanak yang sedang membesar.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada pengurusan Webinar Wanita Serantau, anjuran bersama Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia dan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UTM Kuala Lumpur yang berlangsung pada 5-6 April 2021. Tidak dilupakan Universiti Teknologi Malaysia atas penganugerahan geran UTM

Encouragement Research (UTMER): (PY/2020/04088) bertajuk: “*Analisis Parameter Mengenai Isu Keselamatan Makanan Dalam Perusahaan Kecil Dan Sederhana Menurut Perspektif Hadis.*”

Bibliografi

- Firdaus Abdul Ghani, 3 April 2020. Mengapa kes keganasan rumah tangga meningkat semasa PKP? Astro Awani Online.
- Guru perlu lebih kreatif mengajar ketika pandemik. 2021. Berita Harian, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/05/817228/guru-perlu-lebihkreatif-mengajar-ketika-pandemik>
- Hawati, A. H., & Jarud, R. K. 2020. Covid-19 and an equal learning. Khazanah Research Institute, http://www.krinstitute.org/assets/contentMS/img/template/editor/20200426_Covid_Education_v3.pdf
- Kehadiran merosot murid mula bosan dengan pdpr. 2021. Sabah Post, <https://www.sabahpost.net/2021/06/19/kehadiran-merosot-murid-mula-bosandengan-pdpr-kata-pakar/>
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 8 November 2020. <https://www.moe.gov.my/en/pemberitahuan/announcement/pemakluman-pdpr>.
- Kozinets, R., V. 2020. Netnography: The Essential Guide to Qualitative Social Media Research, 3rd ed, London: Sage Publications.
- Maria Gayatri and Dian Kristiani Irawaty, 2022. Family Resilience during COVID-19 Pandemic: A Literature Review, The Family Journal: Counseling and Therapy for Couples and Families, 30 (2), 132-138.
- Mohamed Farid Noh, 3 Disember 2020. Cabaran Keluarga ketika Pandemik COVID-19, Berita Harian Online.
- Mohd Nasaruddin Parzi, 15 September 2021. 66,440 pasangan Islam daftar cerai sejak Mac 2020, Berita Harian Online.
- Nasir, N. and Mansor, M. 2021. “Cabaran Guru dalam Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR): Suatu Pemerhatian Awal”, Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 6 (7), 416 - 421.
- Natyra Xharavina, Alexandros Kapoulas, George Miaoulis Jr .2019. Netnography as a marketing research tool in the fashion industry in Southeast Europe, International Journal of Market Research, 1-17.
- Pdpr: Internet lembab guru risau murid jauh ketinggalan. 2021, January 27. Putera Daily. <https://puteradaily.com/pdpr-internet-lembab-guru-risau-murid-jauh-ketinggalan/>
- Perutusan Perdana Menteri, 1 Mei 2020. pmo.gov.my/2020/05/perutusan-khas-perdana-menteri-sempena-hari-pekerja-2020/;
- Raihah Mohd Sanusi, 15 Oktober 2020. Johor catat 2,625 kes penceraian sepanjang PKP, Sinar Harian Khas.
- Rashid, K. K. A., Haron, S. C., & Haron, S. C. 2021. Challenges on Malaysian Teachers’s Self Efficacy in Online Teaching During COVID-19. Social Sciences, 11(9), 649-658.
- Siti Marziah Zakaria et al., 2021. Kelesuan Pandemik: Hubungannya dengan Pematuhan SOP, Konflik Kerjaya - Keluarga, Tekanan Emosi dan Risiko Fizikal dalam kalangan Masyarakat Awam Malaysia, Jurnal Psikologi Malaysia 35 (3): 117–129.

- Suzana Ab Rahman et al., 2020. Pandemi Covid 19: Tekanan Keuangan, Literasi Keuangan Menjadi Penentu Kesejahteraan Keuangan Di Kalangan Komuniti Durian Tunggal, *Journal of Business Innovation*, 5 (1), 91-98.
- Tiwari, M. 2020. Challenges of online teaching. British Council. <https://www.teachingenglish.org.uk/blogs/madhu-tiwari/challenges-online-teaching>
- Whitaker L, Cameron C, Hauari H, Hollingworth K and O'Brien M. 2021. What Family Circumstances, During COVID-19, Impact on Parental Mental Health in an Inner City Community in London, *Frontiers in Psychology*, 12:72582.
- Xharavina, N. et al, 2019. Netnography as a marketing research tool in the fashion industry in Southeast Europe, *International Journal of Market Research*, 1-17.